



## SIARAN MEDIA

---

### **AGensi NUKLEAR MALAYSIA PERKASA LITERASI SAINS DAN TEKNOLOGI MELALUI PELANCARAN BUKU BIAK BAKA TANAMAN DI PESTA BUKU ANTARABANGSA DBP**

KUALA LUMPUR, 27 Mei 2025 – Sebuah buku ilmiah bertajuk “Teknologi Nuklear dalam Biak Baka Tanaman Hiasan” telah dilancarkan hari ini sempena Pesta Buku Antarabangsa anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Pelancaran buku ini menandakan satu lagi pencapaian penting dalam usaha memperkasa ilmu sains dan teknologi nuklear di Malaysia. Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh YB Dato’ Haji Mohammad Yusof bin Apdal, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi dan turut dihadiri oleh Dr. Rosli bin Darmawan, Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia.

Penerbitan buku ini merupakan antara inisiatif di bawah sokongan berterusan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dalam memperluas pemahaman masyarakat terhadap penggunaan aplikasi teknologi nuklear secara aman disamping memperkukuh ekosistem penyelidikan dan pembangunan negara. Usaha ini selaras dengan Dasar Teknologi Nuklear Negara (DTNN) 2030 bagi memastikan pembangunan dan penggunaan teknologi nuklear yang selamat, bertanggungjawab dan memberi manfaat kepada rakyat serta negara.

Buku ini memberi tumpuan kepada penggunaan teknologi nuklear dalam sektor pertanian, khususnya melalui teknik biak baka mutasi sinaran bagi penghasilan varieti baharu tanaman hiasan. Teknologi ini telah diterapkan di Malaysia lebih

daripada tiga dekad lalu dan berjaya menghasilkan pelbagai tanaman baharu yang menyumbang kepada pembangunan industri florikultur tempatan.

Dalam ucapannya, YB Timbalan Menteri menegaskan bahawa MOSTI komited untuk memperluas penggunaan teknologi strategik termasuk teknologi nuklear dalam pelbagai sektor ekonomi seperti pertanian, industri, perubatan dan alam sekitar. Penerbitan buku ini bukan sahaja merakam hasil penyelidikan saintifik, malah memperkukuh usaha MOSTI untuk menyampaikan ilmu dan inovasi kepada rakyat secara inklusif dan berterusan, kata beliau.

“Penerbitan buku seperti Teknologi Nuklear dalam Biak Baka Tanaman Hiasan bukan sahaja mencerminkan komitmen kita dalam memperkukuh ekosistem penyelidikan dan inovasi negara, malah memperluas literasi sains dan teknologi dalam kalangan masyarakat. Ini selaras dengan usaha MOSTI untuk menjadikan sains dan teknologi sebagai teras kemajuan negara serta memperkasa aplikasi teknologi nuklear secara aman dan bertanggungjawab dalam sektor strategik seperti pertanian.

Penghasilan buku ini mencerminkan teras dalam DTNN 2030 iaitu memperluaskan aplikasi teknologi nuklear dalam sektor makanan dan pertanian terutamanya dalam membangunkan varieti tumbuhan baharu dengan ciri-ciri yang lebih baik melalui induksi mutasi nuklear.

Industri florikultur Malaysia telah dikenal pasti sebagai sektor pertanian bernilai tinggi dan menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Dalam konteks ini, teknologi nuklear mampu memberikan nilai tambah kepada sektor ini melalui pembangunan varieti tanaman hiasan yang lebih kompetitif, menarik dan memenuhi permintaan pasaran domestik serta antarabangsa.

“Teknologi Nuklear dalam Biak Baka Tanaman Hiasan” mengandungi penerangan menyeluruh mengenai konsep biak baka mutasi, kaedah pelaksanaan serta dokumentasi varieti tanaman yang telah berjaya dibangunkan

oleh penyelidik tempatan. Sejak awal 1990-an, Agensi Nuklear Malaysia telah menghasilkan lebih 30 mutan tanaman dan sekitar 60% daripadanya adalah tanaman hiasan berbunga dan landskap.

Buku ini disasarkan kepada penyelidik, pensyarah, pelajar universiti dan juga pelajar sekolah menengah sebagai sumber rujukan dan pendedahan awal terhadap manfaat teknologi nuklear secara aman dalam meningkatkan kesejahteraan hidup dan ekonomi negara.

Majlis pelancaran ini turut mengukuhkan peranan Dewan Bahasa Pustaka (DBP) sebagai peneraju penerbitan bahan ilmiah berkualiti tinggi dalam bahasa kebangsaan sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menyemarakkan budaya ilmu dan inovasi dalam kalangan masyarakat.

Turut sama hadir, Yang Berbahagia Sasterawan Negara (SN) Dato' Dr. Mohd Anuar bin Haji Rethwan, Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka.

– TAMAT –

**Mengenai Agensi Nuklear Malaysia**

*Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang berperanan sebagai agensi peneraju bagi mempromosi dan melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) sains dan teknologi (S&T) nuklear di Malaysia. Aktiviti R&D yang dilaksanakan melibatkan beberapa bidang utama termasuklah industri, perubatan, makanan dan pertanian, air dan sumber asli, alam sekitar, tenaga, serta keselamatan, sekuriti dan kawal selia nuklear.*

*Hasil R&D yang berpotensi turut diketengahkan ke pasaran untuk memanfaatkan penemuan inovasi saintifik kepada rakyat dan ekonomi negara. Bersandarkan kepakaran dan pengalaman luas dalam bidang S&T nuklear, infrastruktur dan kemudahan penyelidikan yang lengkap, serta disiplin tenaga kerja yang profesional, Nuklear Malaysia sentiasa komited dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelbagai rakan kerjasama strategik, pelanggan, dan masyarakat keseluruhannya.*

**Untuk pertanyaan:** Sila layari [www.nuclearmalaysia.gov.my](http://www.nuclearmalaysia.gov.my) atau hubungi Unit Komunikasi Korporat, Agensi Nuklear Malaysia di talian 012-7526676.